



Koleksi Arkib & Khas, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM

@arkib.khas · Perniagaan Tempatan

Mengikuti

Halaman U



Koleksi Arkib & Khas, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM

8 Julai 2020 ·

Memori Arkib..

Sekitar Perasmian Perpustakaan Kanak-Kanak Sukmanita pada 17 September 1988

Gambar ini disimpan sebahagian daripada Koleksi Arkib & Khas





Syahrul Sazli Shaharir

Suka

Komen

Kongsi



Tulis komen...



OTHER POSTS



Koleksi Arkib & Khas, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM

17 Jun jam 12:02 PTG

Pensyarah Berketrampilan Lahirkan Graduan Unggul - Prof. Dr. Riza Atif
[#SENADA](#)

Pensyarah Berketrampilan Lahirkan Graduan Unggul – Prof. Dr. Riza Atiq

Oleh : Nastura Nasir (Wartawan Pelatih, PPAK)

Berpengalaman selama 14 tahun dalam bidang pengajian dan penyelidikan telah memberikan beliau pengalaman dan ilmu yang cukup luas. Mantan Timbalan Dekan di Fakulti Kejuruteraan ini kini menjawat jawatan sebagai Pengarah di Pusat Pembangunan Akademik (PPA), UKM. PPA berperanan menjalankan fungsi pengurusan kualiti, perancangan strategik dan latihan akademik di UKM. Segala perancangan yang dijalankan adalah bagi meningkatkan dan menjamin kualiti akademik ke arah menjadikan UKM pusat pendidikan yang unggul di mata dunia.

Sebagai Pengarah di PPA, sudah menjadi matlamat yang paling utama bagi Prof. Dr. Riza untuk memastikan kesemua program di UKM mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), terutamanya bagi program-program prasiswazah. Meskipun masih lagi baru di PPA, beliau yang juga merupakan pensyarah Kejuruteraan Awam

PROFIL



Prof. Dr. Riza Atiq Abdullah O.K Rahmat

dan kreatif dalam pengajian mereka, Prof. Dr. Riza mahu memastikan semua pensyarah menggunakan sistem e-pembelajaran dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P). Kaedah ini akan melatih pelajar untuk belajar sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada pensyarah mereka.

Terbaru, beliau bersama beberapa ahli akademik lain sedang giat membangunkan

polisi e-pembelajaran, P&P dan juga latihan bagi para pensyarah. Polisi ini adalah bagi menetapkan satu kayu ukur tertentu dalam bidang akademik di insitusi ini.

Beliau meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat graduan UKM bukan sahaja unggul di Malaysia, bahkan juga peringkat antarabangsa dengan membawa jati diri kebangsaan. Justeru, negara ini memerlukan satu sistem pembelajaran yang mantap dan para pendidik yang berkaliber untuk mencapai matlamat tersebut.

Adalah satu cabaran yang besar bagi beliau untuk mengubah kurikulum, cara peperiksaan, dan banyak perkara lain berkaitan audit, namun itu tidak sesekali mematahkan semangatnya untuk terus melaksanakan apa yang telah direncanakan sebelum ini. Beliau turut berharap agar suatu hari nanti latihan pensyarah dan juga Akademik Audit Berkala ini dapat diperluaskan lagi di setiap IPT seluruh negara sebelum mereka diaudit